http://banksoalanspm.blogspot.com/



1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Percubaan
2011
2 jam

JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2011

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## PENDIDIKAN ISLAM

### Kertas 1

### Dua jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **dua** *bahagian* : **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

2. **Bahagian A** *mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan* **A, B, C** *dan* **D** *serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab* **semua** *soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*

3. **Bahagian B** *mengandungi* **empat** *soalan subjektif.* **Soalan 1** *dan* **Soalan 2 wajib** *dijawab dan pilih mana-mana* **satu** *soalan berikutnya. Kesemua* **tiga** *soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*

4. *Ceraikan jawapan* **Bahagian A** *dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan* **Bahagian B.**

*Disediakan oleh:* Guru AKRAM Terengganu
*Dengan kerjasama:* MPSM Negeri Terengganu
*Dibiayai oleh:* Kerajaan Negeri Terengganu

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

*Dicetak oleh:*
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Telefon: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/


## BAHAGIAN A
( 40 MARKAH )

**Soalan 1** hingga **Soalan 20**

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan* **A, B, C** *dan* **D. Hitamkan** *jawapan yang tepat dalam lampiran kertas jawapan yang disediakan.*

1 Khurafat boleh berlaku dengan cara

A menggunakan nikmat kejalan maksiat
B menyatakan solat fardu merugikan masa
C memakai azimat untuk keselamatan diri
D menghadiri pengebumian orang bukan Islam

2 Pernyataan di bawah adalah **benar** mengenai munafik **kecuali**

A Bercakap bohong
B Mengkhianati amanah
C Tidak menunaikan janji
D mengkagumi kebolehan sendiri

3 Antara berikut yang manakah akibat perbuatan murtad terhadap individu?

I Membatalkan iman
II Menghancurkan kekuatan ummah
III Memutuskan hubungan suami isteri
IV Menjadi penghuni neraka selama-lamanya

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Antara berikut yang mana **benar** mengenai akibat sihir.

A Menimbulkan fitnah
B Mendapat ketenangan jiwa
C Menjimatkan masa dan wang
D Mewujudkan sikap percaya mempercayai

- Tidak menghukum melainkan ada bukti yang sah.
- Berpegang teguh kepada prinsip al-Salaf al-Soleh
- Tidak mencela orang yang tidak sealiran dengan mereka

5 Pernyataan di atas merujuk kepada prinsip pegangan

A Ahli Sunnah Wal Jamaah
B Syiah Batiniyyah
C Syiah Imamiyyah
D Khawarij




1223/1 © 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/


6

Adab-Adab Berjualbeli

- Jauhi perkara haram
- Lindungi hak penjual dan pembeli
- R

R dalam rajah di atas ialah

A Amanah
B Dedikasi
C Utamakan hak diri
D Utamakan keuntungan

7 Antara berikut manakah perkara yang membatalkan kontrak sewaan

I Barang yang disewa hilang
II Barang yang disewa rosak
III Barang yang disewa menepati syarat kontrak.
IV Barang yang disewa belum tamat tempoh kontrak

A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

- Membantu pihak yang ditimpa musibah
- Mendapatkan segala kemudahan perlindungan yang berupa ganti rugi jika ditimpa sesuatu musibah

8 Pernyataan di atas merujuk kepada tujuan diharuskan

A Saham
B sewaan
C insurans
D gadaian

- Melatih manusia supaya berdisiplin.
- Menyedarkan manusia bahawa mereka semua sama di sisi Allah SWT.

9 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmat

A Rukun haji
B Wajib haji
C Sunat haji
D Larangan ihram haji




1223/1 © 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/


- Suami tidak boleh merujuk isterinya walaupun dalam tempoh idah.
- Mereka boleh berkahwin semula dengan akad yang baru.

10 Pernyataan di atas merujuk kepada akibat

A Lian
B zihar
C fasakh
D Talak raji

- Isteri dikenakan bayaran tertentu.
- Mengelakkan sifat ego suami yang suka menyalahgunakan kuasa sebagai ketua keluarga.

11 Pernyataan di atas merujuk kepada

A Zihar
B Khuluk
C Fasakh
D Nusyuz

12 Tujuan utama memiliki kemahiran keibubapaan dalam sesebuah keluarga ialah untuk

A Mendapat zuriat yang bersih
B Menjamin perkahwinan yang sah
C Merapatkan hubungan silaturrahim
D Membentuk anak-anak menjadi soleh dan solehah.

- Mengelak diri dari melakukan maksiat.
- Menyambung keturunan bagi pasangan yang tidak mendapat zuriat.

13 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmat

A Poligami
B Perkahwinan
C Walimatulurus
D Pengambilan anak angkat

14 Encik Hamzah telah melakukan lian.
Berikut ialah akibat lian **kecuali**

A Suami dan isteri terfasakh serta merta
B Suami boleh berkahwin semula dengan bekas isterinya
C Suami yang membuat tuduhan terlepas dari hukuman qazaf
D Isteri berhak menuntut nafkah anak jika suami tidak menafikan nasabnya



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/


15 Pembebasan Baitul Maqdis, Palastin dan Mesir pada zaman Khulafa al-Rasyidin semasa pemerintahan khalifah

A Abu Bakar al-Siddiq radiallahuanhu
B Umar bin al-Khattab radiallahuanhu
C Uthman bin Affan radiallahuanhu
D Ali bin Abi Talib radiallahuanhu

16 Antara yang berikut yang manakah jasa Sayidina Ali bin Abi Talib radiallahuanhu semasa menjadi khalifah?

A Menyumbangkan harta dan kekayaan untuk pertahanan negara
B Membebaskan negeri-negeri di bawah pengaruh Rom dan Parsi
C Menubuhkan beberapa jabatan untuk melicinkan pentadbiran negara
D Menerima jawatan khalifah ketika negara berada dalam keadaan tidak tenteram

17 Faktor-faktor berikut mempengaruhi kejayaan tentera Islam pada zaman kerajaan bani Abbasiah **kecuali**

A Pemimpin tentera yang berkaliber
B Peralatan ketenteraan yang canggih
C Pelantikan panglima tentera berbangsa Arab
D Panglima tentera memiliki strategi yang berkesan

18 Antara yang berikut yang manakah langkah positif yang diambil oleh kerajaan bani Abbasiah untuk menggiatkan aktiviti perdagangan?

I Membina rumah-rumah api
II Melebarkan sungai dan terusan
III Membina pusat-pusat perniagaan
IV Membuat penyelidikan dalam bidang pertanian

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

19

| "Orang yang ingin belajar ilmu hendaklah berusaha mencarinya, bukan ilmu yang datang mencarinya" |
|---|

Ungkapan di atas merupakan prinsip yang dipegang oleh

A Imam Hanbali rahimahullah
B Imam al-Syafie rahimahullah
C Imam Hanafi rahimahullah
D Imam Maliki rahimahullah

20 Manakah **tidak** benar mengenai Imam Abu Hanifah rahimahullah?

A Dipenjara dan disebat 100 kali
B Dipenjara kerana menolak jawatan hakim di Baghdad
C Dipenjara kerana menentang pendapat gabenor di Madinah
D Dipenjara kerana menolak jawatan jurutulis rasmi kerajaan



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**Soalan 21 hingga Soalan 40**

21 Golongan Syiah .......................... beriktikad bahawa perbuatan manusia adalah dilakukan olah manusia bukannya Allah.

22 Harta anak yatim ialah harta yang diperolehi melalui pusaka, ............................. dan hadiah.

23 Hubungan sejenis antara perempuan dengan perempuan dikenali sebagai ............................ .

24 Ingkar atau menafikan rukun iman dan menolak syariat yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W ialah kufur ..........................




25 Hukum menyertai jihad bagi S ialah ............................

26 Antara faedah kemudahan awam kepada individu ialah menjimatkan .......................

27 Perbuatan meraung-raung sambil melakukan perkara yang menyeksa seperti mengoyak-ngoyak baju yang dipakai ketika menziarahi jenazah hukumnya adalah .........................

28 ........................ bermaksud penjual melaksanakan perniagaan dengan sebaik mungkin dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata.

29 Antara punca pencemaran air ialah pembuangan ...................., minyak dan najis yang dibuang ke dalam air.

- Mandi
- Memakai pakaian yang bersih
- Memakai bau-bauan
- Memakai serban

30 Pernyataan di atas membuktikan Imam Malik seorang yang sangat menghormati .................

31 Idea Sheikh Muhammad Abduh untuk membuat ............... dalam bidang pendidikan telah memberi kesan mendalam terhadap perkembangan ilmu umat Islam.



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



Jawatan yang pernah disandang oleh Sheikh Muhammad Abduh

- Hakim Mahkamah Rayuan
- Ahli Majlis Universiti al-Azhar
- Mufti kerajaan Mesir

32 Pernyataan di atas menunjukkan beliau mempunyai sifat ........................

Soalan 33 berdasarkan carta di bawah.

Syarat sah penyewa

Akil baligh | T | Tidak membazir

33 T dalam dalam carta di atas ialah ..........................................

34 Haji Hasnan telah mengelilingi kaabah sebanyak tujuh kali sebaik sampai di Mekah al-Mukarramah.

Situasi di atas merujuk kepada ibadat ..........................................

35 Tempoh .................... berakhir apabila kanak-kanak tidak lagi memerlukan pemeliharaan disebabkan telah dewasa dan mampu berdikari.

36 Orang yang paling layak mendapat hak penjagaan anak apabila ibu hilang kelayakan ialah ......................................

37 Bidang kuasa ................. yang boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah ialah kesalahan yang boleh dihukum penjara tiga tahun atau denda RM 5,000.00

Soalan 38 dan 39
Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang disediakan dalam jadual di bawah

| Riba | Gharar | Saham |
|---|---|---|

38 Sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan ialah .....................

39 Bayaran tambahan dalam urusan jual beli, hutang, pinjaman dan insurans ialah ..................

40 Khalifah kerajaan Bani Abbasiah yang menubuhkan Baitul Hikmah ialah .....................



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/


**BAHAGIAN B**
[ 60 *markah* ]

*Jawab* **tiga** *soalan sahaja daripada bahagian ini*

**Soalan 1** dan **Soalan 2 wajib** *dijawab*
*Pilih* **satu** *sahaja daripada* **Soalan 3** atau **Soalan 4**.

1 (a) Orang yang hendak bertaubat mestilah menyempurnakan syarat taubat terlebih dahulu.

(i) Nyatakan **empat** syarat taubat. [4 markah]

(ii) Terangkan **dua** hikmat bertaubat. [4 markah]

(b) Islam melarang umatnya meminum arak dan menagih dadah kerana ia boleh membawa kehancuran.

(i) Nyatakan maksud arak. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** langkah untuk mencegah perbuatan minum arak. [4 markah]

(c) Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.

(i) Nyatakan **dua** ciri kesesatan ajaran Bahai. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** keburukan ajaran sesat kepada individu dan masyarakat. [4 markah]

2. (a) (i) Nyatakan maksud sembelihan. [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan antara sembelihan dengan korban dari aspek binatang. [2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** hikmat sembelihan terhadap manusia. [4 markah]

(b) Pengambilan anak angkat diharuskan dalam Islam.

(i) Jelaskan batas pergaulan antara anak angkat dengan keluarga angkat yang tidak mempunyai hubungan mahram. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** hikmat diharam menasabkan anak angkat kepada bapa angkat. [4 markah]

(iii) Haji Kamarul berhasrat memberikan harta miliknya kepada anak angkatnya.

Apakah yang perlu beliau lakukan supaya mengikut syariat Islam. [2 markah]



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



(c) (i) Nyatakan **dua** jenis pendidikan yang perlu diberikan ibu bapa kepada anak-anak. [2 markah]

(ii) Jelaskan implikasi kepada anak-anak sekiranya pendidikan tersebut tidak dilaksanakan. [2 markah]

3 (a) (i) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan tamadun Islam pada zaman kerajaan bani Umaiyah. [4 markah]

(ii) Jelaskan peranan generasi sekarang dalam usaha mengembalikan kecemerlangan tamadun Islam. [2 markah]

(b) Hamka adalah seorang ulamak tersohor di Nusantara yang telah memberi sumbangan pemikiran dalam pelbagai bidang ilmu.

(i) Nyatakan nama sebenar beliau. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sumbangan Hamka terhadap perkembangan Islam di Nusantara. [4 markah]

(c) Islam telah menggariskan beberapa adab ketika menziarahi jenazah.

(i) Jelaskan **dua** hikmah beradab ketika menziarahi jenazah. [4 markah]

(ii) Jelaskan **dua** perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah. [4 markah]

4 (a) (i) Jelaskan **dua** faktor kemerosotan tamadun Islam pada zaman kerajaan bani Abbasiah. [4 markah]

(ii) Jelaskan kepentingan mempelajari kemerosotan tamadun Islam kerajaan bani Abbasiah kepada umat Islam. [2 markah]

(b) Nu'man bin Thabit terkenal kerana ketelitian beliau terhadap hadis dan hanya menerima hadis sahih dan kuat sanadnya sahaja sebagai sumber hukum.

(i) Nyatakan **dua** sebab Nu'man bin Thabit lebih dikenali dengan gelaran Abu Hanifah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** bukti kecemerlangan Imam Abu Hanifah dalam bidang ilmu. [4 markah]

(c) (i) Jelaskan **dua** punca berlakunya pencemaran udara. [4 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kebaikan menjaga alam sekitar terhadap manusia. [4 markah]

**SOALAN TAMAT**



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**ARAHAN: Hitamkan jawapan yang betul**

**NAMA :** ..............................................

**TING :** ..............................

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | A | B | C | D | | 21 | |
| 2 | A | B | C | D | | 22 | |
| 3 | A | B | C | D | | 23 | |
| 4 | A | B | C | D | | 24 | |
| 5 | A | B | C | D | | 25 | |
| 6 | A | B | C | D | | 26 | |
| 7 | A | B | C | D | | 27 | |
| 8 | A | B | C | D | | 28 | |
| 9 | A | B | C | D | | 29 | |
| 10 | A | B | C | D | | 30 | |
| 11 | A | B | C | D | | 31 | |
| 12 | A | B | C | D | | 32 | |
| 13 | A | B | C | D | | 33 | |
| 14 | A | B | C | D | | 34 | |
| 15 | A | B | C | D | | 35 | |
| 16 | A | B | C | D | | 36 | |
| 17 | A | B | C | D | | 37 | |
| 18 | A | B | C | D | | 38 | |
| 19 | A | B | C | D | | 39 | |
| 20 | A | B | C | D | | 40 | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Markah Objektif | | Markah ITK | | Jumlah A | |
| | Soalan 1 | | | | | |
| | Soalan 2 | | | | | |
| | Soalan 3 | | | | | |
| | Soalan 4 | | | | | |
| | | | | | JUMLAH BESAR | |

Potong di sini



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



1223/2
Pendidikan
Islam
Kertas 2
Ogos
2011
$1\frac{2}{3}$ jam

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU**

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN
# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

## PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 2

Satu Jam Empat Puluh Minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. **Soalan** *hendaklah dijawab pada kertas jawapan yang disediakan.*

*Disediakan oleh:*
AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Dengan Kerjasama:*
MPSM NEGERI TERENGGANU

*Dibiayai oleh:*
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU NEGERI ANJUNG ILMU

*Dicetak oleh:*
*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.*
*Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



1. (a) Firman Allah SWT

> وَذَرِ ٱلَّذِينَ ٱتَّخَذُوا۟ دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَغَرَّتْهُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا ۚ وَذَكِّرْ بِهِۦٓ أَن تُبْسَلَ نَفْسٌۢ بِمَا
> كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِن دُونِ ٱللَّهِ وَلِىٌّ وَلَا شَفِيعٌ وَإِن تَعْدِلْ كُلَّ عَدْلٍ لَّا يُؤْخَذْ مِنْهَآ ۗ أُو۟لَٰٓئِكَ
> ٱلَّذِينَ أُبْسِلُوا۟ بِمَا كَسَبُوا۟ ۖ لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌۢ بِمَا كَانُوا۟ يَكْفُرُونَ ﴿٧٠﴾
>
> (سورة الأنعام: 70)

Ayat di atas menjelaskan larangan Allah SWT mengenai perbuatan mempersendakan agama seperti hiburan yang melalaikan.

(i) Jelaskan dua ciri hiburan yang melalaikan. [4 markah]

(ii) Apakah tindakan yang perlu anda lakukan sekiranya rakan anda suka kepada hiburan tersebut? [2 markah]

(iii) Terangkan contoh perbuatan yang mempersendakan agama. [2 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW

> عَنْ عَبْدِاللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي
> فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلَا
> تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلَا تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ
> لِمَوْتِكَ
>
> (رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan tuntutan Rasulullah SAW tentang cara pengurusan masa yang baik.

(i) Nyatakan satu daripada tuntutan hadis di atas. [2 markah]

(ii) Jelaskan sebab kegagalan manusia dalam mengurus masa. [2 markah]

(iii) Jelaskan dua kesan terhadap individu yang suka menangguhkan sesuatu urusan. [4 markah]

(c) Susun semula potongan ayat di bawah mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Anda dikehendaki menulis nombor sahaja.

| | |
|---|---|
| ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ | (1) |
| هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ | (2) |
| ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ | (3) |
| سُبْحَٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ | (4) |

(سورة الحشر: 23)

[4 markah]



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



2. (a) Firman Allah SWT

> فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهْدِيَهُۥ يَشْرَحْ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ ۖ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا
> حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِى ٱلسَّمَآءِ ۚ كَذَٰلِكَ يَجْعَلُ ٱللَّهُ ٱلرِّجْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
>
> (سورة الأنعام : 125)

Ayat di atas menerangkan bahawa Allah SWT sahaja yang berhak memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya.

(i) Apakah maksud hidayah? [2 markah]

(ii) Jelaskan perbezaan sikap antara orang yang mendapat hidayah dengan orang yang tidak mendapat hidayah. [2 markah]

(iii) Jelaskan dua cara anda untuk mendapat hidayah Allah SWT. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW

> عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه قال : قال رَسُولُ الله صَلَّى الله عَلَيهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ الله تعالى
> طَيِّبٌ لا يَقْبَلُ إلا طيباً وَإِنَّ الله أَمَرَ الْمُؤمِنِينَ بما أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فقال تعالى : يَأَيُّهَا الرُّسُلُ
> كُلُوا مِنْ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا . وَقَالَ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا
> رَزَقْنَاكُمْ ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ : يَا رَبِّ ! يَا
> رَبِّ ! وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ.
>
> (رواه البخاري)

Hadis di atas menerangkan tentang ciri makanan yang dianjurkan oleh Islam.

(i) Nyatakan dua ciri makanan yang baik menurut Islam. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua hikmah makan makanan yang baik. [4 markah]

(iii) Terangkan pengajaran yang dapat diamalkan daripada kefahaman hadis di atas. [2 markah]

(c)

| A | B | C | D |
|---|---|---|---|
| أَنِ ٱشْكُرْ لِى | بِوَٰلِدَيْهِ | وَفِصَٰلُهُۥ | ٱلْمَصِيرُ |

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul iaitu **A, B, C** dan **D** daripada jadual di atas.
Anda hanya perlu menulis nombor soalan dan jawapan sahaja.

> وَوَصَّيْنَا ٱلْإِنسَٰنَ ____(i)____ حَمَلَتْهُ أُمُّهُۥ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ ____(ii)____ فِى عَامَيْنِ ____(iii)____
> وَلِوَٰلِدَيْكَ إِلَىَّ ____(iv)____

(سورة لقمن : 14)

[ 4 markah ]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



3. (a) Firman Allah SWT

> قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ۝ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَـٰشِعُونَ ۝ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ ٱللَّغْوِ
> مُعْرِضُونَ ۝ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَـٰعِلُونَ ۝ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَـٰفِظُونَ ۝
>
> (سورة المؤمنون : 1-5)

Ayat di atas menjelaskan tentang ciri-ciri mukmin yang berjaya, antaranya ialah mereka yang meninggalkan perkara sia-sia.
Berdasarkan ayat di atas;

(i) Nyatakan **dua** ciri mukmin yang berjaya selain daripada mereka yang meninggalkan perkara sia-sia. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** sebab Allah melarang manusia melakukan perbuatan sia-sia. [4 markah]

(iii) Jelaskan **dua** faktor manusia masih melakukan perbuatan tersebut. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW.

> عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا
> فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيهِ وَمَا يَزَالُ
> عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ
> وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ
> وَلَئِنِ اسْتَعَاذَنِي لَأُعِيذَنَّهُ
>
> (رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan suruhan melaksanakan amalan wajib dan galakan melaksanakan amalan sunat (nawafil).

(i) Nyatakan **dua** contoh amalan nawafil. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kelebihan orang yang melakukan amalan tersebut. [4 markah]

(c) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu **A** dan **B**.
Pilih jawapan yang betul daripada potongan kalimah tersebut supaya menjadi ayat yang lengkap seperti dalam al-Quran.
Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (**A** atau **B**) sahaja.

| | | |
|---|---|---|
| | لَقَدْ جَآءَكُمْ ( رَسُولٌ ) ( حَسْبِي )<br>B A | (i) |
| | مِّنْ (تَوَلَّوْا) (أَنفُسِكُمْ) عَزِيزٌ عَلَيْهِ<br>B A | (ii) |
| | مَا عَنِتُّمْ (حَرِيصٌ) (عَلَيْهِ) عَلَيْكُم<br>B A | (iii) |
| | بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ (ٱلْعَرْشِ) (رَّحِيمٌ)<br>B A | (iv) |

(سورة التوبة : 128) [4 markah]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



4. (a) Firman Allah SWT

> ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۚ مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ ۖ ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ ۖ
> ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ يُوقَدُ مِن شَجَرَةٍ مُّبَٰرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَّا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا
> يُضِىٓءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ ۚ نُّورٌ عَلَىٰ نُورٍ ۗ يَهْدِى ٱللَّهُ لِنُورِهِۦ مَن يَشَآءُ ۚ وَيَضْرِبُ ٱللَّهُ ٱلْأَمْثَٰلَ
> لِلنَّاسِ ۗ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٣٥﴾ (سورة النور : 35)

Ayat di atas menjelaskan bahawa salah satu cara untuk mendapat hidayah ialah menguasai ilmu fardu ain dan fardu kifayah.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan ilmu fardhu ain? [2 markah]

(ii) Jelaskan dua akibat orang yang tidak mengamalkan ilmu yang dipelajarinya daripada aspek ibadat. [4 markah]

(iii) Jelaskan dua kepentingan hidayah kepada manusia. [4 markah]

(b) Soalan berikut diikuti dengan pilihan jawapan iaitu A dan B.
Pilih hukum tajwid yang betul bagi kalimah yang bergaris di bawah.
Anda dikehendaki menulis nombor dan jawapan yang betul (A atau B) sahaja.

| No | Potongan ayat al-Quran | Hukum Tajwid | |
|---|---|---|---|
| | | A | B |
| (i) | سَكِينَتَهُۥ عَلَىٰ (سورة التوبة :26) | Mad Silah Tawilah | Mad Silah Qasirah |
| (ii) | إِلَٰهًا وَٰحِدًا (سورة التوبة :31) | Mad Aridh Lisukun | Mad Iwad |
| (iii) | بَرَآءَةٌ مِّنَ ٱللَّهِ (سورة التوبة :1) | Mad Wajib Muttasil | Mad Jaiz Munfasil |
| (iv) | ءَامَنَ بِٱللَّهِ (سورة التوبة :19) | Mad Asli | Mad Badal |

[4 markah]

(c) Tulis semula petikan di bawah dalam tulisan jawi.

> Penglibatan kumpulan-kumpulan tertentu dalam ajaran sesat menjadikan mereka tidak pro-aktif dan membuang masa. Keadaan ini menjejaskan prestasi ekonomi negara yang bergantung kepada sumbangan setiap individu.

[ 6 markah ]

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



5. (a) Firman Allah SWT

هُوَ ٱللَّهُ ٱلْخَٰلِقُ ٱلْبَارِئُ ٱلْمُصَوِّرُ ۖ لَهُ ٱلْأَسْمَآءُ ٱلْحُسْنَىٰ ۚ يُسَبِّحُ لَهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢٤﴾

(سورة الحشر : 24)

Ayat di atas menyebut tentang nama-nama Allah SWT yang indah dan kepatuhan semua makhluk terhadap-Nya.

(i) Nyatakan empat Asmaul Husna yang terdapat dalam ayat tersebut. [4 markah]

(ii) Jelaskan cara makhluk lain tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT. [2 markah]

(iii) Terangkan dua pengajaran yang dapat diamalkan daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Firman Allah SWT.

فَلَا تُعْجِبْكَ أَمْوَٰلُهُمْ وَلَآ أَوْلَٰدُهُمْ ۚ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيُعَذِّبَهُم بِهَا فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَتَزْهَقَ أَنفُسُهُمْ
وَهُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٥٥﴾ وَيَحْلِفُونَ بِٱللَّهِ إِنَّهُمْ لَمِنكُمْ وَمَا هُم مِّنكُمْ وَلَٰكِنَّهُمْ قَوْمٌ يَفْرَقُونَ ﴿٥٦﴾
لَوْ يَجِدُونَ مَلْجَـًٔا أَوْ مَغَٰرَٰتٍ أَوْ مُدَّخَلًا لَّوَلَّوْا۟ إِلَيْهِ وَهُمْ يَجْمَحُونَ ﴿٥٧﴾ (سورة التوبة: 55-57)

Berdasarkan potongan ayat al-Quran di atas, tulis satu contoh bagi setiap hukum tajwid berikut:

(i) Ikhfak Syafawi
(ii) Izhar Halki
(iii) Idgham Maal Ghunnah
(iv) Qalqalah Sughra
(v) Idgham Syafawi
(vi) Alif Lam Syamsiah

[6 markah]

(c) Tuliskan semula pernyataan di bawah dengan tulisan rumi:

| | |
|---|---|
| (i) | سوامي استري واجب منونايكن تڠڬوڠجواب ماسيڠ٢ دڠن جوجور . |
| (ii) | منانم سيكڤ مڠاسيهي انتارا ماءنسي تراوتام سسام مسلم . |
| (iii) | كعلموان دان كرياتيۏيتي مستي دسڤادوكن اونتوق ممبنتوق ديري يڠ چمرلڠ . |
| (iv) | كيت هندقله مميليهارا نعمة٢ الله سوڤايا اي اكن تروس ككل . |

[4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



1223/1 PP
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Peraturan
Pemarkahan
Percubaan
2011

JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

# PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta Jabatan Pelajaran Terengganu. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Disediakan oleh:
**AKRAM NEGERI TERENGGANU**

Dibiayai oleh:
**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 6 halaman bercetak .

1223/1 (PP) © 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Terengganu

http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



KERTAS 1
BAHAGIAN A
PERATURAN PEMARKAHAN

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | | | C | | | 21 | Zaidiah |
| 2 | | | | D | | 22 | Wasiat/hibah |
| 3 | | B | | | | 23 | Musahaqah/lesbian |
| 4 | A | | | | | 24 | Hakikat |
| 5 | A | | | | | 25 | wajib |
| 8 | A | | | | | 26 | Parbelanjaan/wang/kos |
| 7 | A | | | | | 27 | Haram/berdosa |
| 8 | | | C | | | 28 | Ihsan |
| 9 | | | | D | | 29 | Sampah/sisa toksid |
| 10 | | | C | | | 30 | Hadis/ Sunnah/ Rasulullah |
| 11 | | B | | | | 31 | Islah |
| 12 | | | | D | | 32 | Berketerampilan. |
| 13 | A | | | | | 33 | Kemahuan sendiri./tidak dipaksa |
| 14 | | B | | | | 34 | Tawaf qudum. |
| 15 | | B | | | | 35 | Hadanah |
| 18 | | | | D | | 36 | Nenek sebelah ibu. |
| 17 | | | C | | | 37 | Jenayah |
| 18 | | B | | | | 38 | Saham |
| 19 | | | | D | | 39 | Riba |
| 20 | | | C | | | 40 | Harun ar-Rasyid |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 1 (a) (i) | **Empat syarat taubat**<br>1. Menyesal terhadap maksiat / dosa yang dilakukan<br>2. Berhenti melakukan maksiat / dosa dengan segera<br>3. Berazam tidak akan mengulangi lagi<br>4. Memohon maaf / mangembalikan hak orang lain jika berkaitan dengan hak orang lain. | 4x1m =4 m |
| (ii) | **Dua hikmat bertaubat ;**<br>1. Mendapat keampunan Allah SWT / [1m] kerana taubatnya diterima [1m]<br>2. Jiwa tenang / [1m] karana tidak dibelenggu dosa-dosa yang dilakukan [1m]<br>3. Meningkatkan kaimanan & ketaqwan / [1m] kerana kembali ke jalan kebenaran / [1m]<br>4. Dikasihi dan dipelihara olah Allah / [1m] sebab taat akan perintahNya / [1m]<br>5. Mandapat ganjaran syurga / [1m] kerana dosa telah dihapuskan/ [1m]<br>6. Memberi peluang kepada orang yang berdosa / [1m] agar kembali ke jalan Allah / [1m] | 2x2m=4m<br>Isi = 1m<br>H= 1m |
| (b) (i) | Maksud arak ;<br>Sejenis minuman yang memabukkan / [1m] yang diperbuat daripada perahan buah-buahan yang diperam / [1m] | 2x1m=2m |
| (ii) | **Dua langkah untuk mencegah perbuatan minum arak;**<br>1. Mengadakan kempen keburukan arak.<br>2. Mengamalkan cara hidup sihat.<br>3. Memberi didikan agama kepada anak-anak.<br>4. Meningketkan keimanan<br>5. Pemantauan ibubapa terhadap anak-anak mereka.<br>6. Menguatkuasakan undang-undang mengikut syarak. | 2x2m=4m |
| C (i) | **Dua ciri kesesatan ajaran Bahai;**<br>1. Beriktikad pengasasnya jelmaan Allah<br>2. Beriktikad semua agama adalah sama dan digabungkan dalam ajaran Behei.<br>3. Beriktikad alam bersifat baqa'.<br>4. Beriktikad nabi Isa mati disalib.<br>5. Mengagungkan kod 19 sehingga al-Quran dipengaruhi kod 19<br>6. Memansukhkan agama islam.<br>7. Menganggap Acre di Palestine sebagai kiblat baru.<br>8. Mangubah bantuk ibadah seperti puasa 19 hari<br>8. Menghapuskan jihad | 2x1m=2m |
| (ii) | **Dua keburukan ajaran sesat kepada individu dan masyarakat**<br>Masyarakat;<br>1. Keruntuhan institusi kekeluargaan.<br>2. Berlaku keganasan.<br>3. Perpaduan tergugat,<br>individu;<br>1. Rosak akidah<br>2. Masa terbuang<br>3. Minda tertutup.<br>4. Kehidupan tidak stabil. | 1 aspek individu<br>1 aspek masyarakat<br>2x2m=4m |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 2 (a) (i) | Maksud sembelihan;<br>Sembelihan ialah menghilangkan nyawa binatang yang halal dimakan/ dengan memutuskan urat halkum dan urat merih /menggunakan alat yang tajam / dengan niat kerana Allah SWT. | Isi pertama mesti ada 2x1m=2m |
| (ii) | Beza antara korban dengan sembelihan dari aspek binatang ialah;<br>Sembelihan / Aspek / Korban:<br>Semua binatang yang halal / Jenis / Binatang an'am sahaja<br>Tidak mengambilkira umur / Umur / Mesti cukup umur tertentu<br>Tidak mengambilkira kecacatan / kecacatan / Binatang yang cacat tidak sah<br>Harus sedekah / Pembahagian daging / Wajib disedekah sebahagian kepada fakir miskin | 1x2m=2m |
| (iii) | Hikmat sembelihan terhadap manusia.<br>1. Memastikan daging yang dimakan bersih dan bermutu<br>2. Sembelihan dengan nama Allah untuk memelihara akidah.<br>3. Membezakan antara daging yang halal dan haram.<br>4. Menghindari penyakit / kuman yang terdapat dalam darah. | 2x2m=4m |
| (b) (i) | Pergaulan anak angkat dangan keluarga angkat yang tidak mempunyai hubungan mahram;<br>1. Menjaga batas pergaulan bukan mahram.<br>2. Tidak boleh berdua-duaan.<br>3. Boleh berkahwin dengan keluarga angkat<br>4. Tidak boleh bersentuhan lelaki dan perempuan/tidak bersalam. | 1x2m=2m |
| (ii) | Hikmat dilarang menasab anak angkat kepada bapa angkat:<br>1. Mengiktiraf keluarga bapa kandung sebagai hubungan nasab yang sah.<br>2. Memelihara hak dan pewarisan harta pusaka daripada bapa kandung<br>3. Menjaga batas pergaulan antara bapa dengan anak angkat.<br>4. Memelihara salasilah keluarga supaya tidak bercampur dengan anak angkat.<br>5. Memelihara hak wali nikah oleh bapa kandung . | 2x2m=4m |
| (iii) | Tindakan yang perlu baliau lakukan ialah;<br>1. Mewasiatkan harta itu kepada anak angkatnya tidak lebih dari 1/3<br>2. Memberi secara hibah<br>3. Menghadiahkan harta tersebut kepada anak angkatnya . | 1x2m=2m |
| (c )(i) | Dua jenis pendidikan tersebut ialah;<br>1. Pendidikan Islam<br>2. Pendidikan moral<br>3. Pendidikan jasmani<br>4. Pendidikan rohani<br>5. Pendidikan sosial<br>6. Pendidikan intelektual | 2x1m=2m |
| (ii) | Impilkasi terhadap anak-anak;<br>1. Anak-anak hidup tanpa penjagaan dan didikan yang sempurna.<br>2. Melahirkan generasi yang tidak berakhlak mulia dan berpelajaran.<br>3. Anak-anak membesar tanpa kasih sayang yang secukupnya.<br>4. Anak-anak mudah terlibat dangan gejala soasial. | 1x2m=2m |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 3 (a) (i) | Dua faktor kegemilangan tamadun Islam pada zaman kerajaan bani Umaiyah.<br>1. Kecekapan / kebijaksanan khalifah dalam mentadbir negara.<br>2. Kecintaan yang tinggi terhadap ilmu pengetahuan dalam kalangan pemerintah dan rakyat jelata.<br>3. Kestabilan ekonomi yang membolehkan banyak pembangunan dan kemudahan disediakan untuk rakyat.<br>4. Kekuatan barisan ketenteraan yang sanggup mempertahankan tanah air dan menyebarkan dakwah.<br>5. Hubungan erat antara pemerintah dengan rakyat.<br>6. Kesungguhan membangunkan diri dan berjihad untuk membuktikan bahawa Islam ialah agama penyalamat umat.<br>7. Khalifah memarintah berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah.<br>8. Pamerintah memerintah dengan adil dan saksama / tegas. | 2x2m=4m |
| (ii) | Peranan generasi sekarang dalam usaha manggembalikan kecemerlangan tamadun Islam.<br>1. Menguasai pelbagai bidang ilmu dan kemahiran/kepakaran.<br>2. Menghidupkan semangat jihad.<br>3. Bersatu padu menjaga keamanan negara.<br>4. Bersatupadu membangunkan negara.<br>5. Menangkis segala serangan daripada pihak musuh. | 1x2m=2m |
| (b)(i) | Nama sebenar beliau ialah;<br>1. Haji Abdul Malik bin Syeikh Abdul Karim bin Syeikh Muhammad Amrullah<br>2. Haji Abdul Malik Karim Amrullah<br>3. Haji Abdul Malik bin Abdul Karim | 1x2m=2m |
| (ii) | Dua sumbangan HAMKA terhadap perkembangan Islam di Nusantara;<br>1. Menghasilkan tafsir al-Quran pertama/ Tafsir al-Azhar<br>2. Menghasilkan novel yang berunsur dakwah./ Islam.<br>3. Menyalurkan dakwah melalui akhbar dan majalah/ majalah Pedoman Masyarakat/ Menara/ Merdeka/ Pemandangan/ Panji Masyarakat/ Gema Islam<br>4. Menyampaikan dakwah malalui pidato yang berkesan.<br>5. Melalui jawatan yang disandang. Contoh anggota pemimpin Pusat Muhammadiah<br>6. Mengasaskan Kolej Al-Muballighin. | 2x2m=4m |
| (c) (i) | Dua hikmah beradab ketika menziarahi jenazah<br>1. Dapat mengeratkan silaturrahim dengan keluarga jenazah<br>2. Mengurangkan tekanan amosi keluarga jenazah yang kehilangan ahlinya.<br>3. Memberi keinsafan bahawa kematian adalah sebahagian daripada qada' dan qadar Allah<br>4. Dapat menunaikan hak seorang muslim ke atas muslim yang lain. | 2x2m=4m |
| (ii) | Dua perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah<br>1. Meratapi kematian tersebut.<br>2. Tidak redha dengan takdir Allah /menyesal<br>3. Bercakap perkara sia-sia atau bergurau senda.<br>4. Mengumpet jenazah/ mamburukkan jenazah/manghina jenazah.<br>5. Membebankan keluarga jenazah dengan permintaan yang mereka tidak mampu. | 2x2m=4m |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 4 (a) (i) | Dua faktor kemerosotan tamadun Islam pada zaman kerajaan bani Abbasiah.<br>1. Kelemehan pemerintahan kerajaan Abbasiah<br>2. Perpecahan wilayah-wilayah di bawah kekuasaan kerajaan Abbasiah<br>3. Perebutan kuasa dalam kalangan keluarga khalifah.<br>4. Kegawatan ekonomi<br>5. Perselisihan aliran fahaman keagamaan<br>6. Serangan dari luar | 2x2m=4m |
| (ii) | Kepentingan mempelajari kemerosotan tamadun Islam kerajaan bani Abbasiah.<br>1. Sentiasa memupuk dan mengekalkan perpaduan<br>2. Bersama-sama menangkis segala serangan daripada pihak musuh<br>3. Bersama-sama membangunkan ekonomi<br>4. Berpegang teguh dangan al-Quran dan al-Hadis | 1x2m=2m |
| 4 (b) (i) | Dua sebab baliau lebih dikenali dengan gelaran Abu Hanifah ialah<br>1. Sempena name anaknya Hanifah<br>2. Selalu membawa tinta ka mana-mana<br>3. Cenderung kepada agama | 1x2m=2m |
| (ii) | Bukti kecemerlangan Imam Abu Hanifah dalam bidang ilmu;<br>1. Menguasai pelbagai bidang ilmu.<br>2. Boleh mengeluarkan fatwa tentang hukum Islam<br>3. Meluaskan penggunaan hukum Islam dalam setiap aspek kehidupan.<br>4. Melahirkan ramai tokoh ulemak terkemuka yang telah menyebarkan aliran pemikirannya.<br>5. Karyanya dalam bidang fekah dan perundangan Islam menjadi bahan rujukan di perpustakaan besar di dunia. | 2x2m=4m |
| (c) (i) | Dua punca berlakunya pencemaran udara.<br>1. Asap dari ekzos kenderaan bermotor .<br>2. Asap yang dikeluarkan dari kilang-kilang<br>3. Debu dari kilang papan.<br>4. Pembakaran sampah secara terbuka. | 2x2m=4m |
| (ii) | Dua kebaikan menjaga alam sekitar tarhadap manusia;<br>1. Menjamin udara yang bersih.<br>2. Mendapat keberkatan daripada Allah<br>3. Masyarakat menjadi harmoni dan sejahtera.<br>4. Pemandangan persekitaran kelihatan indah.<br>5. Memberi keselesaan dalam kehidupan.<br>6. Mengelak dari mendapat penyakit dan wabak. | 2x2m=4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



**SULIT**
1223/2(PP)
Pendidikan
Islam
Kertas 2
Ogos
2011
1 $^2/_3$ jam

# JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

## PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

**AMARAN**

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT dan Hak Cipta Jabatan Pelajaran Terengganu**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

1223/2(PP) © 2011 Hak Cipta Jabatan Pelajaran Terengganu



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 1.(a) (i) | Dua ciri hiburan yang melalaikan:<br>1- Lirik lagu mengajak melakukan kejahatan<br>2- Menggunakan alat muzik yang diharamkan<br>3- Berlaku pergaulan lelaki dan perempuan bukan mahram<br>4- Melengahkan manusia daripada melaksanakan ibadat<br>5- Hiburan yang dihidangkan dengan minuman atau makanan yang haram | [2 x 2m = 4m] |
| (ii) | Tindakan yang perlu dilakukan kepada rakan yang sukakan hiburan yang melalaikan:<br>1- Menasihatinya @ membimbingnya agar meninggalkan perbuatan tersebut<br>2- Melaporkan kepada guru @ kaunselor untuk tindakan susulan<br>3- Maklumkan kepada ibu bapa mereka supaya memantau aktiviti anak-anak<br>4- Mengajaknya mengikuti program keagamaan @ program berfaedah | [1 x 2m = 2m] |
| (iii) | Contoh perbuatan mempersendakan agama:<br>1- Melanggar perintah Allah SWT dengan bangga [1m]/ contoh (tidak solat)[1m]<br>2- Memperlekehkan orang yang bertakwa kepada Allah SWT [1m] /seperti memperkecilkan kewibawaannya[1m]<br>3- Makan dan minum di siang hari bulan Ramadan di khalayak ramai[1m] / kerana mencemarkan imej agama[1m]<br>4- Minum minuman yang memabukkan[1m] / tanpa rasa bersalah [1m]<br>5- Menghina perintah agama @ ibadat-ibadat dalam Islam [1m] /seperti mengatakan solat membuang masa[1m]<br>6- Menyanjung perbuatan maksiat [1m] / seperti memberitahu rakan bahawa dia telah melakukan maksiat (contoh maksiat yang dilakukan) [1m] | [1 x 2m = 2m]<br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m |
| (b) (i) | Tuntutan hadis:<br>1. Menjalani kehidupan sebagai seorang perantau<br>2. Menggunakan waktu sihat untuk amalan kebaikan<br>3. Menyelesaikan kerja pada waktunya / tidak menangguhkan kerja<br>4. Menyediakan bekalan untuk kehidupan di akhirat | [1 x 2m = 2 m] |
| (ii) | Sebab kegagalan manusia dalam mengurus masa :<br>1. Terburu-buru dalam tindakan<br>2. Suka menangguhkan urusan<br>3. Tidak bersungguh-sungguh dalam melaksanakan urusan/bekerja sambil lewa<br>4. Tidak menyediakan jadual / senarai semak / perancangan yang baik<br>5. Tidak mematuhi jadual | [1x 2m = 2 m] |
| (iii) | Dua kesan terhadap individu yang suka menangguhkan sesuatu urusan:<br>1. Hasil kerja tidak berkualiti<br>2. Tidak disukai rakan / masyarakat<br>3. Jiwa tidak tenang /tertekan<br>4. Beban kerja bertambah / kerja terbengkalai<br>5. Menjadi seorang yang lemah dan pasif<br>6- Dimurkai Allah dan dibenci Rasul-Nya<br>7- Kehidupan tidak terurus / gagal dalam kehidupan<br>8- Hidup tidak diberkati | [2 x 2m = 4 m] |
| (c) | 2, 3, 1, 4 @ 3, 1, 2, 4<br>( Mana-mana kedudukan yang betul diberi markah ) | [4 x 1m = 4 m] |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 2.(a) (i) | Maksud hidayah<br>Cahaya petunjuk daripada Allah SWT kepada mereka yang dikehendaki-Nya | [1 x 2m = 2 m] |
| ii) | Perbezaan sikap antara orang yang mendapat hidayah dengan orang yang tidak mendapat hidayah :<br>*Orang yang mendapat hidayah* / *Orang yang tidak mendapat hidayah*<br>1- Rajin melakukan ibadat / Malas melakukan ibadat<br>2- Sentiasa muhasabah diri / Leka dengan kehidupan dunia<br>3- Takut melakukan maksiat / Gemar melakukan maksiat<br>4- Sentiasa reda dengan ketentuan Allah SWT / Keluh kesah dan salahkan takdir | [1 x 2m = 2 m]<br>*Fokus kepada sikap sahaja bukan perbuatan* |
| (iii) | Dua cara mendapat hidayah daripada Allah:<br>1- Mematuhi segala perintah Allah SWT<br>2- Menjauhi larangan-Nya<br>3- Memperbanyakkan amalan sunat / contoh puasa, solat, qiamullail<br>4- Melazimi bacaan al-Quran<br>5- Sentiasa berdoa memohon hidayah Allah SWT<br>6- Berdisiplin dan menepati waktu belajar<br>7- Tidak putus asa apabila ditimpa kegagalan<br>8- Belajar dengan ikhlas kerana Allah SWT<br>9- Patuh kepada arahan guru<br>10- Merancang kerja dengan bijak<br>11- Belajar dengan tekun, dedikasi dan bertanggungjawab<br>12- Mengamalkan akhlak mulia | [2x 2m = 4 m] |
| (b) (i) | Dua ciri makanan yang baik:<br>1- Makanan yang halal / suci<br>2- Makanan yang berkhasiat / berzat / seimbang<br>3- Makanan dari sumber yang halal<br>4- Makanan yang bersih / segar<br>5- Tidak memudaratkan kesihatan / tidak beracun<br>6- Tidak ada dalil yang mengharamkannya<br>7- Disembelih dengan nama Allah SWT<br>8- Terdapat tanda halal pada bungkusannya<br>9- Diusahakan oleh orang Islam | [2 x 1m = 2 m] |
| (ii) | Dua hikmah makan makanan yang baik :<br>1- Menjaga kesihatan badan / dijauhkan daripada penyakit<br>2- Memelihara kewarasan akal<br>3- Menjaga maruah diri daripada tercemar<br>4- Mendapat pahala kerana mengikut sunnah<br>5- Dimasukkan ke syurga Allah SWT di akhirat<br>6- Doa / ibadah yang dilakukan diterima Allah SWT<br>7- Mudah mendapat hidayah<br>8- Mudah menerima pelajaran<br>9- Dipandang mulia oleh masyarakat<br>10- Hidup dirahmati/diberkati/diluaskan rezeki | [2 x 2m = 4m] |
| (iii) | Pengajaran yang dapat diamalkan:<br>1- *Kita diwajibkan* mengambil makanan dan minuman yang halal & segar /supaya ibadat diterima Allah SWT<br>2- *Kita dituntut* mencari rezeki yang halal dan baik / agar hidup diberkati Allah SWT<br>3- *Kita hendaklah meyakini* bahawa Allah SWT akan menolak doa hamba-Nya yang mengambil makanan, minuman & pakaian yang haram / kerana mengabaikan tuntutan agama<br>4- *Umat Islam diperintah* memakai pakaian yang menutup aurat /agar maruah diri terpelihara<br>5- *Kita hendaklah mematuhi* semua tuntutan hadis tersebut /agar iman meningkat<br>6- *Umat Islam dituntut* menjauhi makanan @ minuman yang haram / agar kesihatan terjamin | [1 x 2m = 2 m]<br>*Isi = 1m*<br>*Huraian = 1m* |
| (c) | B, C, A, D<br>( Mana-mana kedudukan yang betul diberi markah ) | [4 x 1m = 4 m] |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 3 (a) (i) | **Dua** ciri mukmin yang berjaya selain daripada mereka yang meninggalkan perkara sia-sia :<br>1- Mengerjakan solat dengan khusyuk<br>2- Mengeluarkan zakat<br>3- Menjaga kehormatan diri | [2 x 1m = 2m] |
| (ii) | **Dua** sebab Allah melarang manusia melakukan perbuatan sia-sia<br>1- Boleh menjatuhkan maruah umat Islam<br>2- Menyebabkan mereka lalai daripada menunaikan tanggungjawab<br>3- Akan mencemarkan kesucian agama Islam<br>4- Boleh mengganggu ketenteraman awam<br>5- Punca tercetusnya pergaduhan<br>6- Menyebabkan umat Islam mundur<br>7- Mengakibatkan kegagalan dalam kehidupan | [2 x 2m = 4m]<br>*Kesan tidak diterima seperti:*<br>*-dimurkai Allah*<br>*-hidup tidak diberkati*<br>*-dipandang hina oleh masyarakat* |
| (iii) | **Dua** faktor umat Islam masih melakukan perbuatan yang sia-sia :<br>1- Kurang didikan agama<br>2- Lemah pegangan iman<br>3- Pengaruh persekitaran/ rakan sebaya/ media<br>4- Kurang perhatian ibu bapa<br>5- Tidak takut dengan balasan Allah SWT<br>6- Sukakan budaya 'hedonisme' (hiburan)<br>7- Makan makanan haram<br>8- Tidak menunaikan solat / perintah Allah<br>9- Kurang penghayatan agama<br>10- Tidak tahu mengurus masa dengan efektif | [2 x 2m = 4m] |
| (b) (i) | **Dua** contoh amalan nawafil:<br>*Hubungan dengan Allah SWT*<br>1- Solat sunat /contoh<br>2- Puasa sunat / contoh<br>3- Berzikir / tahlil / tahmid / tasbih<br>4- Melazimi membaca al-Quran<br>5- Selalu berselawat<br>6- Sentiasa berdoa<br>7- Mengerjakan umrah / haji setiap tahun<br>*Hubungan sesama manusia*<br>1- Banyakkan sedekah<br>2- Ziarah menziarahi<br>3- Memberi senyuman<br>4- Prihatin kesulitan jiran/rakan<br>5- Tolong menolong | [2 x 1m = 2 m]<br>*Dikehendaki 2 isi :*<br>*1 isi = hubungan dengan Allah = 1m*<br>*1isi = hubungan sesama manusia = 1m* |
| (ii) | **Dua** kelebihan orang yang melakukan amalan tersebut:<br>1- Dikasihi Allah SWT dan Rasul-Nya<br>2- Dipelihara / dilindungi anggotanya daripada melakukan maksiat<br>3- Dimakbulkan doanya / amalan diterima<br>4- Diampunkan dosa / ganjaran pahala<br>5- Mengecapi kenikmatan beribadat / jiwa tenang<br>6- Sentiasa sabar dan tabah menghadapi dugaan<br>7- Mati dalam husnul khatimah<br>8- Iman bertambah mantap<br>9- Masuk syurga/ dijauhi neraka<br>10- Dihormati masyarakat<br>11- Dilapangkan rezeki | [2 x 2m = 4 m] |
| (c) | A, B, A, B<br>( Mana-mana kedudukan yang betul diberi markah ) | [4 x 1m = 4m] |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 4 (a) (i) | Maksud ilmu fardhu ain: | [2 x 1m = 2m] |
| | Ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap umat Islam[1m]/ sekiranya ditinggalkan individu tersebut akan berdosa.[1m] @ bagi menyempurnakan kehidupan dunia & akhirat [1m] | |

| | | |
|---|---|---|
| (ii) | Dua akibat orang yang tidak mengamalkan ilmu yang dipelajarinya dari aspek ibadat:<br><br>1- Ibadat yang dilakukan tidak diterima Allah SWT<br>2- Ibadat yang ditunaikan tidak sempurna<br>3- Ibadat yang dilakukan tidak kusyuk<br>4- Doa tidak dimakbulkan Allah SWT | [2 x 2m = 4m] |

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | Dua kepentingan hidayah kepada manusia:<br><br>1- Benteng / perisai maksiat / nahi mungkar<br>2- Panduan mencari keredaan Allah SWT<br>3- Membezakan antara kebenaran dan kebatilan<br>4- Amalan yang dilakukan berteraskan syariat Islam<br>5- Jaminan kebahagiaan dunia dan akhirat<br>6- Mendapat rahmat dan diberkati Allah SWT<br>7- Pendorong melakukan ibadat @ kebaikan / amar makruf | [2 x 2m = 4m] |

| | | |
|---|---|---|
| (b) | Hukum Tajwid :<br><br>(i) B<br>(ii) B<br>(iii) A<br>(iv) B | [4 x1m = 4m] |

| | | |
|---|---|---|
| (c) | (i)<br>ڤغليبتن كومڤولن٢ ترتنتو دالم اجرن سست<br>منجاديکن مريک تيدق ڤروآاكتيف دان ممبواڠ<br>ماس. كأداءن اين منجيجسكن ڤريستاسي ايكونومي<br>نݢارا يڠ برݢنتوڠ کڤد سومبڠن ستياڤ اينديۏيدو . | [6 x 1m = 6m]<br><br>Betul ejaan ( perkataan):<br>• 1 - 4 = 1m<br>• 5 - 8 = 2m<br>• 9 – 12 = 3m<br>• 13 – 16 = 4m<br>• 17 – 20 = 5m<br>• 21 – 25 = 6m |



http://banksoalanspm.blogspot.com/

http://banksoalanspm.blogspot.com/



| Nombor Soalan | Contoh Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 5. (a) (i) | Empat Asmaul Husna yang terdapat dalam ayat tersebut:<br>1- ٱلْخَلِقُ — Maha Pencipta<br>2- ٱلْبَارِئُ — Maha Mengadakan<br>3- ٱلْمُصَوِّرُ — Maha Pembentuk Rupa<br>4- ٱلْعَزِيزُ — Maha Kuasa /Tiada Tolak Bandingnya<br>5- ٱلْحَكِيمُ — Maha Bijaksana | [4 x 1m = 4m]<br>Tulisan rumi diterima<br>(contoh : al-Khaliq..) |
| (ii) | Cara makhluk lain tunduk dan patuh kepada perintah Allah SWT:<br>1- Pokok, batu, binatang dan sebagainya sentiasa bertasbih kepada Allah SWT dengan cara tersendiri<br>2- Mereka juga sentiasa mengikut segala ketentuan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah seperti matahari dan bulan beredar di atas paksinya. | [1 x 2m = 2m] |
| (iii) | Dua pengajaran yang dapat diamalkan daripada ayat:<br>1- *Kita hendaklah meyakini* bahawa Allah memiliki nama-nama yang agung [Im] / supaya dapat mengambil iktibar /[Hm]<br>2- *Kita hendaklah percaya* bahawa semua makhluk di langit dan di bumi sentiasa bertasbih kepada Allah SWT [Im] / sebagai tanda kepatuhan kepada-Nya /[Hm]<br>3- *Kita diwajibkan* mentaati segala perintah Allah SWT [Im]/kerana Allah Maha Bijaksana/[Hm]<br>4- *Kita wajib meyakini* bahawa semua makhluk dijadikan Allah SWT [Im]/ kerana Allah Maha Pencipta (al-Khaliq) [Hm]<br>5- *Umat Islam disarankan* berdoa menggunakan Asma ul Husna [Im]/ agar mendapat keberkatan/[Hm] | [2 x 2m = 4m]<br>*Isi = 1m*<br>*Huraian = 1m* |
| (b) | | ***Hukum Tajwid*** — ***Contoh ayat***<br>(i) Ikhfak Syafawi — لِيُعَذِّبَهُم بِمَا<br>(ii) Izhar Halki — مَلْجَئًا أَوْ مَغَٰرَٰتٍ<br>(iii) Idgham Maal Ghunnah — قَوْمٌ يَفْرَقُونَ<br>(iv) Qalqalah Sughra — تُعْجِبْكَ<br>(v) Idgham Syafawi — وَمَا هُم مِّنكُمْ<br>(vi) Alif Lam Syamsiah — ٱلدُّنْيَا | [6 x 1m = 6m] |
| (c) | Merumikan :<br>(i) Suami isteri wajib menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan jujur<br>(ii) Menanam sikap mengasihi antara manusia terutama sesama muslim<br>(iii) Keilmuan dan kreativiti mesti disepadukan untuk membentuk diri yang cemerlang<br>(iv) Kita hendaklah memelihara nikmat-nikmat Allah supaya ia akan terus kekal | [4 x 1m = 4 m]<br>- Satu keratan = 1m<br>- Kesalahan dikira pada perkataan<br>- Kesalahan 1-3 perkataan = 1m<br>- Kesalahan 4 atau lebih = 0m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



http://banksoalanspm.blogspot.com/